



MPC(PCD) 600-4/1/22

20 November 2020

Muhammad Khairil Faiez Abdul Aziz
Flexcility Systems Sdn Bhd
No 12, Jalan 3/4F,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor

**PERLANTIKAN SEBAGAI TENAGA PAKAR SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN
GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
(KDN) & JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) merupakan badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan menjalankan Projek Penambahbaikan Ketelusan Pelesenan Perniagaan bagi senarai pihak berkuasa melesen diatas

3. Objektif projek ini adalah untuk mengenalpasti dan menambahbaik ketelusan peraturan dan prosedur pelesenan perniagaan yang perlu diterbitkan secara dalam talian bagi meningkatkan kecekapan kawalselia pelesenan perniagaan. Sehubungan itu, bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan jayanya, MPC ingin melantik tuan sebagai tenaga pakar bagi menjalankan inisiatif ini. Bersama-sama ini juga disertakan Surat Setuju Terima (Lampiran 1) dan Terma Rujukan (Lampiran 2) untuk makluman. Mohon kerjasama tuan untuk mengembalikan Surat Setuju Terima yang telah lengkap diisi kepada pihak kami bagi pengesahan penerimaan perlantikan.

4. Segala sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan inisiatif ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in dark brown ink, featuring a stylized 'A' and 'M' followed by a period.

(MOHAMAD AZROL MOHAMAD DALI)

Timbalan Pengarah

Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing

b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)